



KOPERASI PEGAWAI KERAJAAN
NEGERI PULAU PINANG BERHAD

ATURAN PEMBIAYAAN BAI' AT TAWARRUQ

TAHUN 2022

Pindaan
2019

KOPERASI PEGAWAI KERAJAAN NEGERI PULAU PINANG BERHAD
ATURAN PEMBIAYAAN BAI' AT TAWARRUQ

1. TAJUK

- Pindaan
2019
1. Aturan-aturan ini adalah dinamakan aturan-aturan Pembiayaan Bai' At Tawarruq Koperasi Pegawai Kerajaan Negeri Pulau Pinang Berhad.
 2. Aturan ini diwujudkan di bawah undang undang kecil 65(a) dan 45(2)(p) Koperasi ini dan dikuatkuasakan selepas kelulusan Mesyuarat Agung Koperasi ini dan salinan aturan-aturan ini dikemukakan kepada Suruhanjaya.

2. TAFSIRAN

Dalam aturan-aturan ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain :-

- a) 'Akta' ertinya Akta Koperasi 1993 dan pindaan-pindaan, yang dibuat kepadanya dari masa ke semasa;
- Pindaan
2019 b) ***DIBATALKAN***
- Pindaan
2019 c) Bai' At Tawarruq ertinya perjanjian jual beli barang tertentu antara pemilik barang dan pembeli di mana pemilik barang menyerahkan barang tersebut kepada pembeli dengan serta merta dan pembeli menanggungkan bayaran harga barang tersebut sehingga suatu tempoh yang tertentu atau membuat bayaran secara ansuran.
- d) 'Anggota' termasuklah seseorang yang turut sama dalam permohonan pendaftaran koperasi ini dan yang telah menandatangani minit mesyuarat agung permulaan koperasi dan seorang yang diterima menjadi anggota mengikut peraturan dan undang-undang kecil ini selepas pendaftaran sebagaimana yang di takrifkan mengikut seksyen 2 Akta Koperasi 1993.
- Pindaan
2019 e) 'Bayaran Perkhidmatan' sejumlah wang yang dikenakan kepada anggota yang mendapat Pembiayaan Bai' At Tawarruq dan bayaran ini adalah bertujuan menguruskan pembiayaan tersebut.
- f) 'Aset' ertinya harta atau barang milik Koperasi yang dijual kepada pembeli dengan harga yang dibayar secara ansuran bulanan
- Pindaan
2019 g) 'Aturan' ertinya aturan-aturan pembiayaan Bai' At Tawarruq Koperasi;
- h) 'Gaji' ertinya gaji dan termasuk semua jenis elaun tetap bulanan;
- i) 'Harga belian' ertinya harga tunai bagi aset yang dijual balik oleh pembeli kepada Koperasi;
- j) 'Harga jualan' ertinya harga aset yang termasuk margin keuntungan Koperasi yang dibeli oleh pembeli dan perlu dibayar balik kepada Koperasi secara ansuran bulanan di dalam tempoh masa yang dipersetujui;
- k) 'Hutang' ertinya jumlah atau baki harga jualan aset yang perlu dibayar balik oleh pembeli secara ansuran bulanan;
- l) 'Keuntungan' ertinya perbezaan harga di antara harga jualan dan belian
- m) 'Koperasi' atau "Koperasi ini" ertinya Koperasi Pegawai Kerajaan Negeri Pulau Pinang Berhad;

- n) 'Lembaga' ertinya Lembaga Koperasi Pegawai Kerajaan Negeri Pulau Pinang Berhad;
- o) 'Peraturan' ertinya Peraturan yang dibuat di bawah Akta Koperasi 1993 dan pindaan-pindaan yang dibuat kepadanya dari masa ke semasa;
- Pindaan 2019 p) 'Pembeli' ertinya anggota yang membeli aset Koperasi di bawah aturan-aturan Bai' At Tawarruq;
- q) 'Suruhanjaya' ertinya Suruhanjaya Koperasi Malaysia yang ditubuhkan di bawah Akta Suruhanjaya Koperasi Malaysia 2007 sebagaimana yang ditakrifkan menurut seksyen 2 Akta Koperasi 1993.
- r) 'Undang-undang Kecil' ertinya Undang-undang Kecil Koperasi Pegawai Kerajaan Negeri Pulau Pinang dan termasuklah sesuatu pindaan berdaftar kepada undang-undang kecil ini.
- s) "Jawatankuasa Syariah" ertinya satu jawatankuasa penasihat yang dilantik Lembaga dan mempunyai kepakaran dalam Pembiayaan Syariah.
- t) "Pekerja" ertinya sesiapa yang dibayar gaji dan berjawatan tetap di koperasi ini yang dilantik di bawah undang-undang kecil 45(2)(p).

3. TUJUAN

- Pindaan 2019 1) Tujuan Pembiayaan Bai' At Tawarruq ialah untuk membantu anggota-anggota dan pekerja mendapat wang tunai bagi keperluan peribadi anggota;-
- a) Perbelanjaan pelajaran anggota atau tanggungan;
 - b) Membina, membeli atau memperbaiki rumah;
 - c) Membeli tanah;
 - d) Perbelanjaan untuk maksud agama/perayaan hari kebesaran;
 - e) Perbelanjaan perubatan anggota atau tanggungan;
 - f) Perbelanjaan perkahwinan anggota atau tanggungan;
 - g) Perabot dan kelengkapan rumah; atau
 - h) Maksud-maksud lain yang dipersetujui oleh Lembaga.
- 2) Maksud pembiayaan hendaklah dinyatakan dengan terang dan jujur, dan pembiayaan yang dibenarkan itu hendaklah digunakan oleh pekerja seperti maksud yang telah dinyatakan sahaja.
- 3) Lembaga berhak meminta peminjam menunjukkan bukti bahawa pembiayaan yang telah diberikan itu digunakan dengan betulnya.

4. MODAL DAN SUMBER KEWANGAN

Modal dan sumber kewangan bagi melaksanakan aktiviti ini adalah diperolehi dari :-

- a) Caruman modal yuran anggota-anggota mengikut Undang-undang Kecil 56;
- b) Simpanan Khas anggota-anggota mengikut Undang-undang Kecil 62; dan

- c) Pinjaman luar mengikut Undang-undang Kecil 63.

5. JENIS PEMBIAYAAN DAN SEKATAN

1) Pembiayaan kepada anggota-anggota terbahagi kepada :-

- | | |
|-----------------|---|
| Pindaan
2019 | <p>a) Pembiayaan Bai' At Tawarruq - Berjamin Yuran (PBI – Y)</p> <ul style="list-style-type: none">i. Pembiayaan ini hendaklah dihadkan kepada 90% (sembilan puluh peratus) dari jumlah modal yuran yang telah dibayar oleh anggota.ii. Pembiayaan ini tidak memerlukan apa-apa cagaran atau jaminan daripada anggota-anggota lain kerana jaminannya adalah di atas wang modal yuran itu sendiri.iii. Pembiayaan bertindih tidak dibenarkan kecuali dengan keadaan luar biasa, Lembaga boleh menimbangkan atas budi bicara Lembaga setelah sekurang-kurangnya 3 kali bayaran telah diterima oleh Koperasi ini dan tidak melebihi 3 kali dalam setahun kalendar. |
| Pindaan
2019 | <p>b) Pembiayaan Bai' At Tawarruq - Peribadi (PBI – A)</p> <ul style="list-style-type: none">i. Pembiayaan ini hendaklah dihadkan kepada 20(dua puluh) bulan gaji pokok pemohon dicampurkan dengan yuran yang telah dibayarnya.ii. Pembiayaan ini hendaklah dijamin oleh sekurang kurangnya 2(dua) orang orang anggota yang layak menjamin. Jumlah jaminan yang dikenakan ke atas penjamin–penjamin hendaklah meliputi keseluruhan pembiayaan itu. |
| Pindaan
2022 | <ul style="list-style-type: none">iii. Pembeli perlu menyertai 'Skim Perlindungan pembiayaan" yang diusahakan atau dianjurkan oleh Koperasi ini dan hendaklah juga mendapatkan perlindungan di bawah 'Skim Perlindungan Takaful' yang diusahakan atau dianjurkan oleh Koperasi ini.iv. Pembiayaan bertindih tidak dibenarkan kecuali dengan keadaan luar biasa, Lembaga boleh menimbangkan atas budi bicara Lembaga setelah sekurang-kurangnya 3 kali bayaran telah diterima oleh Koperasi ini dan tidak melebihi 3 kali dalam setahun kalendar. |
| Pindaan
2019 | <p>c) Pembiayaan Bai' At Tawarruq - Pendidikan Anggota (PBI – T)</p> <ul style="list-style-type: none">i. Lembaga boleh meluluskan permohonan pembiayaan ini kepada anggota-anggota dengan syarat tiap-tiap pembiayaan jenis ini hendaklah dihadkan kepada 7(Tujuh) bulan gaji pokok pemohon.ii. Kelulusan kepada permohonan pembiayaan pelajaran anggota-anggota ini adalah berasaskan kepada bukti-bukti nyata yang disokong oleh dokumen-dokumen yang sah kerana anggota-anggota itu telah pun mengikuti pengajian luar kampus dan diterima masuk bagi melanjutkan pelajarannya di tahun akhir secara penuh masa di mana mana institusi pengajian tinggi untuk kursus diploma atau ijazah sarjana muda, atau setaraf denganya yang diiktiraf oleh kerajaan.iii. Anggota ini telah diberi kelulusan cuti dari jawatan oleh Ketua Jabatannya atau pihak berkuasa berkenaan bagi anggota itu melanjutkan pelajarannya. |

		iv.	Pembiayaan ini hendaklah dijamin oleh sekurang kurangnya dua orang (2) orang anggota yang layak menjamin. Jumlah jaminan yang dikenakan ke atas penjamin–penjamin hendaklah meliputi keseluruhan pembiayaan itu.
Pindaan 2022		v.	Pembeli perlu menyertai ‘Skim Perlindungan pembiayaan” yang diusahakan atau dianjurkan oleh Koperasi ini dan hendaklah juga mendapatkan perlindungan di bawah ‘Skim Perlindungan Takaful’ yang diusahakan atau dianjurkan oleh Koperasi ini.
		vi.	Pembiayaan bertindih tidak dibenarkan kecuali dengan keadaan luar biasa, Lembaga boleh menimbangkan atas budi bicara Lembaga setelah sekurang-kurangnya 3 kali bayaran telah diterima oleh Koperasi ini dan tidak melebihi 3 kali dalam setahun kelendar.
Pindaan 2019	d)	Pembiayaan Bai’ At Tawarruq - Pendidikan Anak Anggota (PBI – T)	
		i.	Lembaga boleh meluluskan permohonan pembiayaan ini kepada anggota-anggota dengan syarat tiap-tiap pembiayaan jenis ini hendaklah dihadkan kepada 7(tujuh) bulan gaji pokok pemohon.
		ii.	Kelulusan kepada permohonan pembiayaan pelajaran anggota/anak anggota ini adalah berasaskan kepada bukti-bukti nyata yang disokong oleh dokumen-dokumen yang sah kerana anggota-anggota itu telah pun mengikuti pengajian luar kampus dan diterima masuk bagi melanjutkan pelajarannya di tahun akhir secara penuh masa di mana mana institusi pengajian tinggi untuk kursus diploma atau ijazah sarjana muda, atau setaraf denganya yang diiktiraf oleh kerajaan.
		iii.	Anggota ini telah diberi kelulusan cuti dari jawatan oleh Ketua Jabatannya atau pihak berkuasa berkenaan bagi anggota itu melanjutkan pelajarannya.
		iv.	Pembiayaan ini hendaklah dijamin oleh sekurang kurangnya dua orang (2) orang anggota yang layak menjamin. Jumlah jaminan yang dikenakan ke atas penjamin–penjamin hendaklah meliputi keseluruhan pembiayaan itu.
Pindaan 2022		v.	Pembeli perlu menyertai ‘Skim Perlindungan pembiayaan” yang diusahakan atau dianjurkan oleh Koperasi ini dan hendaklah juga mendapatkan perlindungan di bawah ‘Skim Perlindungan Takaful’ yang diusahakan atau dianjurkan oleh Koperasi ini.
		vii.	Pembiayaan bertindih tidak dibenarkan kecuali dengan keadaan luar biasa, Lembaga boleh menimbangkan atas budi bicara Lembaga setelah sekurang-kurangnya 3 kali bayaran telah diterima oleh Koperasi ini dan tidak melebihi 3 kali dalam setahun kalendar.
Pindaan 2019	e)	Pembiayaan Bai’ At Tawarruq - Perlancongan (PBI – P)	
		i.	Lembaga boleh meluluskan permohonan pembiayaan ini pada had 5(lima) bulan gaji pokok atau sejumlah pembiayaan yang ditetapkan /diluluskan oleh Lembaga.
		ii.	Kelulusan bagi permohonan pembiayaan ini adalah untuk anggota menyertai pakej pelancongan yang dikendalikan/diusahakan/dianjurkan oleh koperasi ini atau usahasama koperasi ini dengan badan-badan atau syarikat-syarikat tertentu yang diluluskan oleh Lembaga sahaja berdasarkan harga pakej yang dianjurkan.

- iii. Pembiayaan ini hendaklah dijamin oleh sekurang kurangnya dua orang (2) orang anggota yang layak menjamin. Jumlah jaminan yang dikenakan ke atas penjamin-penjamin hendaklah meliputi keseluruhan pembiayaan itu.

Pindaan
2019

f) Pembiayaan Bai' At Tawarruq - Insurans (PBI – V)

- i. Mengikut kos sebenar insurans kereta motor bersama cukai jalan yang mana terendah.
- ii. Kelulusan bagi permohonan ini adalah untuk anggota membeli insurans kereta motor bersama jumlah cukai jalan sejumlah yang dikenakan ke atas kereta motor yang didaftarkan di atas nama anggota.
- iii. Jumlah pembiayaan ini akan terus dikeluarkan kepada Syarikat Insurans yang mana Koperasi ini atau anak syarikat koperasi ini yang dilantik sebagai agen atau wakil atau diberi kuasa mengendalikan urusan insurans kereta motor serta sejumlah Wang cukai jalan terus kepada Jabatan Pengangkutan Jalan atau agennya atau wakilnya.
- iv. Pembiayaan ini hendaklah dijamin oleh sekurang-kurangnya dua (2) orang anggota yang layak menjamin. Jumlah jaminan yang dikenakan ke atas penjamin-penjamin hendaklah meliputi keseluruhan pembiayaan ini.

Pindaan
2019

g) Pembiayaan Bai' At Tawarruq – Perayaan dan Persekolahan (PBI –M)

- i. Lembaga boleh meluluskan pembiayaan ini pada masa-masa perayaan yang tertentu/awal tahun persekolahan.

Pindaan
2022

- ii. Pembiayaan in hendaklah dijamin oleh 2 orang yang layak menjamin atau dibenarkan oleh Lembaga menyertai “Skim Perlindungan Pembiayaan” ~~dan pembeli hendaklah juga mendapat perlindungan di bawah “Skim Perlindungan Takaful” yang diusahakan atau dianjurkan oleh Koperasi ini.~~
- iii. Tarikh-tarikh permohonan pembiayaan perayaan/persekolah dan pengeluaran pembiayaan akan ditentukan oleh Lembaga dari masa ke semasa. Pengeluaran cek-cek pembiayaan akan di buat sekurang-kurangnya dua minggu sebelum tarikh perayaan/persekolah.
- iv. Pembiayaan bertindih tidak dibenarkan kecuali dengan keadaan luar biasa, Lembaga boleh menimbangkan atas budi bicara Lembaga setelah sekurang-kurangnya 3 kali bayaran telah diterima oleh Koperasi ini dan tidak melebihi 3 kali dalam setahun kalendar.

Pindaan
2019

h) Pembiayaan Bai' At Tawarruq – Peribadi 2 (PBI – U)

Pindaan
2022

- i. Pembiayaan ini hendaklah dihadkan kepada 20(puluh) bulan gaji pokok pemohon.
- ii. Pembiayaan ini boleh diberikan kepada anggota-anggota sebagai pembiayaan untuk membeli barangan seperti alatan elektrik, perabot/kelengkapan rumah, alat ganti kereta motor dan sebagainya di Syarikat Ankop Sdn Bhd sahaja.
- iii. Jumlah pembiayaan ini akan terus dikeluarkan kepada anak syarikat koperasi ini yang dilantik sebagai agen atau wakil atau diberi kuasa mengendalikan urusan membekal barangan.

Pindaan 2022	iv. Pembiayaan ini hendaklah dijamin oleh sekurang-kurangnya 2(dua) orang anggota yang layak menjamin. Jumlah jaminan yang dikenakan ke atas penjamin-penjamin hendaklah meliputi keseluruhan pembiayaan ini. vi. Pembeli perlu menyertai 'Skim Perlindungan pembiayaan' yang diusahakan atau dianjurkan oleh Koperasi ini dan hendaklah juga mendapatkan perlindungan di bawah 'Skim Perlindungan Takaful' yang diusahakan atau dianjurkan oleh Koperasi ini.
Pindaan 2019	i) Pembiayaan Bai' At Tawarruq – Anggota Lembaga/Juruaudit Dalam (PBI – ALK/JAD) i. Pembiayaan ini hendaklah dijamin oleh sekurang-kurangnya 2(dua) orang anggota lembaga/juruaudit dalaman yang layak menjamin Jumlah jaminan yang dikenakan ke atas penjamin-penjamin hendaklah meliputi keseluruhan pembiayaan ini.
Pindaan 2019	j) Pembiayaan Bai' At Tawarruq (Pekerja) - Peribadi (PBI –PK) i. Pembiayaan ini hendaklah dijamin oleh sekurang-kurangnya 2(dua) orang pekerja yang layak menjamin. Jumlah jaminan yang dikenakan ke atas penjamin-penjamin hendaklah meliputi keseluruhan pembiayaan ini. ii. Pembeli perlu menyertai 'Skim Perlindungan pembiayaan' yang diusahakan atau dianjurkan oleh Koperasi ini. iii. Pembiayaan bertindih tidak dibenarkan kecuali dengan keadaan luar biasa, Lembaga boleh menimbangkan atas budi bicara Lembaga.
Pindaan 2019	k) Pembiayaan Bai' At Tawarruq Ajil (Pekerja) – Peribadi 2 (PBI –UP) i. Pembiayaan ini hendaklah dihadkan kepada 7(tujuh) bulan gaji pokok pekerja. ii. Pembiayaan ini boleh diberikan kepada anggota-anggota sebagai pembiayaan untuk membeli barangan seperti alatan elektrik, perabot/kelengkapan rumah, alat ganti kereta motor dan sebagainya di Syarikat Ankop Sdn Bhd sahaja. iii. Jumlah pembiayaan ini akan terus dikeluarkan kepada anak syarikat koperasi ini yang dilantik sebagai agen atau wakil atau diberi kuasa mengendalikan urusan membekal barangan. iv. Pembiayaan ini hendaklah dijamin oleh sekurang-kurangnya 2(dua) orang pekerja yang layak menjamin. Jumlah jaminan yang dikenakan ke atas penjamin-penjamin hendaklah meliputi keseluruhan pembiayaan ini. v. Pembeli perlu menyertai 'Skim Perlindungan pembiayaan' yang diusahakan atau dianjurkan oleh Koperasi ini. vi. Pembiayaan bertindih tidak dibenarkan kecuali dengan keadaan luar biasa, Lembaga boleh menimbangkan atas budi bicara Lembaga.

l) **DIBATALKAN**

6. KELAYAKAN MEMOHON PEMBIAYAAN

- 1) Telah genap 3 (tiga) bulan menjadi anggota Koperasi ini; atau
- 2) Telah genap 12(dua belas) bulan menjadi anggota Koperasi ini bagi mereka yang masuk menjadi anggota semula; atau
- 3) Telah genap 12(dua belas) bulan bagi anggota yang telah dibenarkan mengeluarkan sebahagian modal yurannya di bawah Aturan Modal Yuran Anggota 5.
- 4) Anggota baru yang memindahkan wang yurannya dari Koperasi lain layak memohon pembiayaan tanpa menunggu genap 3 (tiga) bulan keanggotaannya jika wang yurannya tidak kurang RM1,000.00 (Ringgit Malaysia satu ribu).
- 5) Lembaga berkuasa menetapkan tempoh anggota-anggota itu layak membuat pembiayaan, menghadkan jumlah pembiayaan atau pun menetapkan tempoh bayaran balik hutang bergantung kepada keadaan kewangan Koperasi ini. Keputusan Lembaga atas perkara ini adalah muktamad.
- 6) Pekerja yang telah berkhidmat genap 6(enam) bulan dan telah disahkan jawatan layak untuk membuat pembiayaan di koperasi ini. Walaubagaimanapun dalam keadaan luar biasa Lembaga boleh menimbangkan atas budi bicara Lembaga.

7. BAYARAN PERKHIDMATAN

- 1) Bayaran **proses perkhidmatan** sebanyak 2% atas jumlah pembiayaan baru akan dikenakan bagi tiap-tiap kontrak pembiayaan yang baru.
- 2) Bagi pembiayaan semula, bayaran perkhidmatan sebanyak perpuluhan 0.5%(lima peratus) dikenakan atas baki hutang. Bayaran perkhidmatan ini hendaklah dibayar pada masa pembiayaan semula diluluskan oleh Lembaga.
- 3) Lembaga berkuasa menetapkan lain-lain kos perkhidmatan sekiranya perlu bagi kepentingan Koperasi.

8. TEMPOH BAYARAN BALIK ANSURAN

- 1) Tempoh bayaran balik ansuran sesuatu jenis pembiayaan itu adalah seperti di lampiran.

9. TANGGUNGJAWAB PENJAMIN-PENJAMIN

- 1) Pembiayaan yang dibenarkan di bawah aturan-aturan ini akan diberikan kepada pembeli-pembeli dengan jaminan dua orang anggota-anggota Koperasi atau lebih dengan syarat yang berikut :-
 - a) Tiap-tiap penjamin itu akan bersama-sama atau berasingan bertanggungjawab di atas bayaran sepenuhnya ansuran hutang atas harga aset yang dibeli oleh pembeli;
 - b) Penjamin-penjamin itu hendaklah membayar balik kesemuanya ansuran hutang yang diberikan kepada pembeli jika sekiranya pembeli tidak dapat membayar balik ansuran hutang itu mengikut perjanjian yang telah dipersetujui.

- c) Penjamin-penjamin berserta dengan pembeli hendaklah menandatangani surat perjanjian hutang (Al Kafalah).
- d) Tiap-tiap seorang anggota hanya layak menjamin tidak lebih daripada tiga (3) hutang pembeli anggota-anggota lain pada sesuatu masa.
- Pindaan 2022 e) Selain Aturan 9(1)(a)(b) di atas, Lembaga berhak mengikut budi bicaranya, membenarkan sesuatu hutang itu dijamin dengan secukupnya oleh suatu "Kumpulan Wang Kebajikan & Perlindungan Anggota" pembeli dan juga atas jaminan oleh suatu "Skim Perlindungan Pembiayaan" yang sah diluluskan oleh Lembaga.

10. TANGGUNGJAWAB PEMBELI

- 1) Adalah menjadi tanggungjawab pembeli untuk :-
 - a. Membuat akad belian dan jualan dan mendatangi borang akad yang disediakan.
 - b. Menandatangani surat perjanjian hutang (Al – Kafalah)
 - Pindaan 2022 c. Menyertai ~~Perlindungan Takaful~~ Kumpulan Wang Kebajikan & Perlindungan Anggota-Skim Perlindungan Pembiayaan yang ditentukan oleh lembaga.
 - d. Membuat bayaran ansuran tanpa gagal dan menepati masa-masanya.
 - e. Menanggung semua kos yang terlibat dalam membuat bayaran itu.
 - f. Jumlah had tanggungan seseorang anggota kepada koperasi ini samada sebagai pembeli atau penjamin atau kedua-duanya ialah sebanyak 20 (dua puluh) bulan gaji termasuk elaun tetap ditambah dengan jumlah modal yurannya yang telah dibayar.
 - g. Adalah menjadi kewajipan Lembaga Koperasi ini menentukan penjamin-penjamin baru dilantik apabila diketahui bahawa penjamin bagi sesuatu hutang itu mati atau berhenti menjadi anggota ataupun tidak mampu menyempurnakan syarat-syarat jaminannya.
 - h. Seseorang pembeli yang gagal memberitahu Lembaga akan kematian atau tidak kemandirian penjamin-penjaminnya di dalam menyempurnakan tanggungan-tanggungan akan dituntut membayar balik dengan serta merta hutang yang telah diberikan kepadanya itu.
 - Pindaan 2022 i. Seseorang pembeli yang tertunggak ansuran balik hutang atau caruman bulanannya kepada Koperasi ini lebih daripada 3 (tiga) bulan tanpa kebenaran Lembaga boleh dikenakan denda hingga sebanyak RM20.00 (ringgit malaysia dua puluh) bagi tiap-tiap bulan.

11. PERMOHONAN PEMBIAYAAN

- 1) Permohonan dari anggota-anggota mendapatkan Pembiayaan hendaklah dikemukakan kepada Lembaga dengan mengisi borang yang ditetapkan oleh Lembaga.
- 2) Melainkan dalam keadaan luar biasa, permohonan pembiayaan hendaklah disampaikan ke Pejabat Koperasi ini sekurang-kurangnya sebulan sebelum Lembaga mengadakan mesyuarat bagi menimbangkannya.

- 3) Pemohon-pemohon hendaklah terlebih dahulu menentukan bahawa borang-borang permohonan mereka dan dokumen-dokumen sampingan diisi dengan sempurna dan ditandatangani mengenai tujuan pembiayaan itu dipohon. Kecuaian tersebut menyebabkan permohonan itu ditolak dan anggota yang berkenaan akan diminta membuat permohonan semula yang mana ianya akan dipertimbangkan dalam Mesyuarat Lembaga yang akan datang.
- 4) Penerimaan permohonan-permohonan tersebut hendaklah didaftarkan di dalam Daftar Permohonan Pembiayaan dan diberi angka pendaftaran dan kemudian diasingkan mengikut jenis-jenis pembiayaan dan diserahkan kepada sebuah jawatankuasa yang dilantik oleh Lembaga untuk memproses permohonan-permohonan itu.

12. MEMPROSES BORANG PERMOHONAN PEMBIAYAAN

- 1) Semua borang permohonan pembiayaan akan diproses oleh Jawatankuasa Pembiayaan yang dilantik oleh Lembaga di bawah Undang-undang Kecil 45 (2)(w).
- 2) Bahagian pengurusan Koperasi ini yang diwujudkan di bawah Undang-undang Kecil 44(2)(v) adalah bertanggungjawab bagi menentukan pemohon dan kelayakan mereka itu di dalam Daftar Pembiayaan dan penjamin.
- 3) Sebelum mesyuarat Lembaga diadakan, bahagian pengurusan Koperasi ini hendaklah menyerahkan perkara-perkara berikut kepada Pengerusi Jawatankuasa Pembiayaan untuk diproses :-
 - a) Senarai permohonan-permohonan pembiayaan mengikut format ditentukan oleh Lembaga;
 - b) Fail anggota-anggota yang memohon pembiayaan mengikut angka pendaftaran pembiayaan dan borang-borang permohonan pembiayaan bersekali dengan dokumen sampingan dan kenyataan-kenyataan yang menyokong permohonan pembiayaan; dan
 - c) Daftar Kelayakan pembeli dan penjamin.
- 4) Di dalam menjalankan tugas memproses permohonan pembiayaan ini, Jawatankuasa Pembiayaan ini hendaklah menitikberatkan di segi :-
 - a) Kesempurnaan borang-borang yang diisi dan ditandatangani
 - b) Kelayakan pemohon dan penjamin-penjaminnya;
 - c) Sesanggupan pemohon untuk memberi kuasa kepada Ketua Jabatannya supaya memotong gajinya untuk membayar bayaran-bayaran dan caruman-caruman kepada Koperasi ini;
 - d) Pengesahan tujuan pembiayaan itu dipohon
 - e) Kedudukan baki hutang yang lalu yang mana cadangan-cadangan pemohon untuk menjelaskannya diperolehi; dan
 - f) Memastikan bahawa jumlah bayaran balik pembiayaan kepada Koperasi ini tidak melebihi enam puluh peratus (60%) atau tujuh puluh peratus (70%) jika pemohon mempunyai pembiayaan perumahan dari jumlah gaji pemohon dan bayaran-bayaran ini dapat di potong dari gaji bulanan pemohon.

13. TINDAKAN JAWATANKUASA MEMPROSES PEMBIAYAAN

- 1) Setelah kerja-kerja memproses permohonan pembiayaan ini selesai, maka perakuan terhadapnya hendaklah dibentangkan bagi permohonan-permohonan yang boleh diluluskan dan tidak boleh diluluskan di dalam suatu senarai berkenaan.
- 2) Pemohon-pemohon yang permohonan mereka terpaksa ditolak disebabkan kurang penjamin atau permohonan mereka melebihi had yang mereka layak berhutang atau permohonan mereka tidak disertakan dengan kenyataan yang cukup tidak dilengkapkan dengan sempurna, hendaklah diberitahu segera agar pembetulan-pembetulan dapat dibuat dan permohonan-permohonan itu dapat dipertimbangkan di dalam Mesyuarat Lembaga yang akan datang.
- 3) Pemohon-pemohon yang permohonan mereka boleh diluluskan hendaklah diberitahu segera supaya Bon Pembiayaan dapat dilengkapkan dengan sempurna oleh pemohon dan penjamin-penjaminnya. Tidaklah menjadi satu kesalahan jika pihak Koperasi ini dan pihak pemohon bersetuju agar Bon Pembiayaan ini diisi dan ditandatangani terlebih dahulu iaitu semasa pemohon mengemukakan permohonan pembiayaan.
- 4) Pengerusi Jawatan Kuasa Pembiayaan setelah membuat perakuan-perakuan tertentu hendaklah menyerahkan segala-galanya kepada Bendahari untuk tindakan selanjutnya khasnya di segi penyediaan cek dan baucer.

14. MENIMBANGKAN PERMOHONAN PEMBIAYAAN DALAM MESYUARAT LEMBAGA

- 1) Apabila Lembaga bermesyuarat bagi menimbangkan permohonan pembiayaan daripada anggota-anggota, permohonan-permohonan tersebut hendaklah dipertimbangkan mengikut giliran berpanduan kepada angka pendaftaran yang ada dicatatkan pada borang-borang permohonan pembiayaan.
- 2) Jumlah pembiayaan yang akan diluluskan pada tarikh mesyuarat tersebut hendaklah diasaskan kepada jumlah kumpulan wang untuk pembiayaan yang ada berbaki di dalam akaun bank pada tarikh mesyuarat itu diadakan.
- 3) Di dalam mengambil keputusan meluluskan sesuatu pembiayaan, Lembaga hendaklah berpegang kepada prinsip "Yang dahulu didahulukan" dan tidak di atas prinsip "Yang mustahak dan yang kecil didahulukan".
- 4) Setelah Lembaga berpuas hati di atas permohonan-permohonan itu, maka Lembaga bolehlah menimbangkan pula cadangan-cadangan mengenai cara-cara membayar balik hutang itu dan jika tidak bersetuju atas cadangan-cadangan itu, Lembaga bolehlah mengemukakan cadangan balas atau mengenakan syarat-syarat dan cara-cara membayar balik hutang itu.
- 5) Kelulusan atau penolakan sesuatu permohonan pembiayaan itu hendaklah dicadangkan dan disokong oleh anggota-anggota Lembaga dan mendapat undi terbanyak semasa pengundian. Kelulusan atau penolakan itu hendaklah juga dicatatkan di dalam Buku Minit Mesyuarat Lembaga dan di dalam Daftar Permohonan Pembiayaan.

15. MEMBAYAR BALIK WANG PEMBIAYAAN

- 1) Kecuali dalam keadaan luar biasa yang dibenarkan oleh Lembaga, semua bayaran balik wang hutang, hendaklah dilakukan seminggu selepas Mesyuarat Lembaga yang meluluskan.
- 2) Apabila seseorang anggota itu diberi pembiayaan atau menjamin sesuatu hutang, ia hendaklah bersetuju yang ansuran bayaran hutangnya dipotong dari gaji bulannya oleh pegawai yang membayar gaji sehinggalah hutang itu diselesaikan olehnya.
- 3) Sebelum bayaran-bayaran diperbuat, Penegerusi, Setiausaha dan Bendahari hendaklah memastikan bahawa :-
 - a) Bon-bon pembiayaan telah siap disempurnakan dan ditandatangani oleh semua pihak berkenaan.
 - I. Baucar pembiayaan telah disiapkan untuk ditandatangani.
 - II. Jumlah pembiayaan yang diluluskan direkodkan di dalam Daftar Pembiayaan; dan
 - III. Daftar Penjamin telah sempurna diselenggarakan.

16. PENOLAKAN PERMOHONAN PEMBIAYAAN

Pindaan
2019

- 1) Lembaga adalah berkuasa menolak sebarang permohonan dari anggota untuk kemudahan Bai' At Tawarruq, menghadkan jumlahnya dan menolak sesiapa jua anggota sebagai penjamin.

Pindaan
2019

- 2) Tidak ada anggota boleh menuntut supaya ia diberikan Bai' At Tawarruq sebagai suatu haknya.

17. HUTANG DIBAYAR BALIK DENGAN SERTA MERTA

- 1) Pembeli hendaklah membayar balik dengan serta merta segala hutang Koperasi ini mengikut keadaan berikut :-
 - a. Jika pembeli berhenti daripada menjadi anggota.
 - b) Jika pembeli tidak dapat mencari penjamin yang lain bagi menggantikan penjamin yang tidak layak.
 - c) Jika pembeli itu menggunakan untuk maksud lain selain daripada maksud pembiayaan itu diberikan.
 - d) Jika pembeli gagal menjelaskan bayaran balik hutang Koperasi ini lebih daripada tiga bulan.
 - e) Jika seseorang pembeli itu didapati meragukan.
 - f) Jika pembeli itu membuat pengistiharan palsu di mana-mana borang yang ditetapkan oleh Lembaga berhubung dengan pembiayaan kepada anggota.

- 2) Jika sekiranya pembeli itu enggan membayar kepada Koperasi ini baki hutang itu dalam tempoh yang munasabah yang ditetapkan oleh Lembaga berkaitan perkara dinyatakan di Aturan 17 (a) di atas, Lembaga hendaklah memberitahu penjamin-penjaminnya hal demikian dan boleh merujuk perkara itu sebagai satu pertelingkahan kepada Suruhanjaya mengikut cara yang disyaratkan di dalam undang-undang kecil Koperasi ini.
- 3) Tidak ada sesuatu di adalam Aturan ini dan Undang-undang Kecil Koperasi ini yang menghadkan kuasa Lembaga untuk mendapatkan kembali secara membuat tuntutan, atau merujuk kepada Ketua Pendaftar sebagai suatu pertelingkahan, baki hutang itu terus daripada penjamin-penjaminnya itu dan tidak daripada pembeli.

18. PENYELESAIAN AWAL

- 1) Pembeli boleh membuat penyelesaian awal samada dengan cara membayar balik secara tunai atau dengan lain-lain cara yang dipersetujui oleh Lembaga.
- 2) Bayaran perkhidmatan penyelesaian pembiayaan **RM100.00**(ringgit malaysia **satu ratus**) dikenakan bagi setiap pembiayaan.

19. POTONGAN HUTANG KERANA PENYELESAIAN AWAL

Pindaan
2019

- 1) Lembaga mengikut budibicaranya boleh menetapkan sejumlah potongan wang kepada anggota yang menyelesaikan hutangnya kepada Koperasi terlebih awal daripada tempoh bayaran balik hutang di bawah Aturan At Tawarruq.

20. PENYERAHAN ASET KEPADA PEMBELI

- 1) Penyerahan aset akan dibuat hanya setelah semua aqad jual beli dan surat perjanjian selesai ditandatangani. Penyerahan aset dikira sempurna melalui penyerahan geran untuk tanah, sijil pelaburan atau lain-lain keterangan mengenai aset yang boleh diterima.

21. TAKRIF

- 1) Jika sebarang perbezaan takrif mengenai Aturan ini, maka takrif Lembaga setelah mendapat nasihat daripada Jawatan Syariah adalah muktamad.

22. PINDAAN KEPADA ATURAN-ATURAN

- 1) Aturan ini hendaklah di baca bersekali dengan Undang-undang Kecil Koperasi ini dan Akta serta Peraturan-peraturan.
- 2) Lembaga Koperasi dengan persetujuan Suruhanjaya bolehlah meminda sebarang peruntukan dalam Aturan ini apabila difikirkan mustahak bagi memudahkan perjalanan dan pengurusan Koperasi ini dalam perkara pembiayaan kepada anggota-anggotanya.

LAMPIRAN

	BIL	JENIS PEMBIAYAAN	KELAYAKAN	HAD	%	TEMPOH
Pindaan 2019	1	Bai' At Tawarruq – Berjamin Yuran 90%	90 % Dari Yuran	RM 20,000	6 %	120 Bulan
Pindaan 2016/19/22	2	Bai' At Tawarruq – Peribadi	20 Bulan Gaji Pokok Dicampur Yuran	RM 40,000	6 %	120 Bulan
Pindaan 2019	3	Bai' At Tawarruq – Pendidikan Anggota	7 Bulan Gaji Pokok	RM 5,000	4 %	72 Bulan
Pindaan 2019	4	Bai' At Tawarruq – Pendidikan Anak Anggota	7 Bulan Gaji Pokok	RM 5,000	4 %	72 Bulan
Pindaan 2019	5	Bai' At Tawarruq - Pelancongan	5 Bulan Gaji Pokok	RM 5,000	6 %	36 Bulan
Pindaan 2019	6	Bai' At Tawarruq - Insurans		RM 2,000	6 %	24 Bulan
Pindaan 2016/19	7	Bai' At Tawarruq - Perayaan		RM 8,000	6 %	48 Bulan
Pindaan 2016/19/22	8	Bai' At Tawarruq – Peribadi 2	20 Bulan Gaji Pokok	RM 35,000	6 %	120 Bulan
Pindaan 2019	9	Bai' At Tawarruq – Anggota Lembaga		RM 10,000	6 %	Tempoh menyandang jawatan di koperasi
Pindaan 2019	10	Bai' At Tawarruq – Anggota Juruaudit Dalam		RM 2,000	6 %	Tempoh menyandang jawatan di koperasi
Pindaan 2014/19	11	Bai' At Tawarruq (Pekerja) – Peribadi		i. Berkhidmat <5 tahun RM 6,000 ii. Berkhidmat >10 tahun RM 20,000	6 %	120 Bulan
Pindaan 2014/19	12	Bai' At Tawarruq (Pekerja) – Peribadi 2	7 Bulan Gaji Pokok	RM 15,000	6 %	120 Bulan
Pindaan 2014/19	13	Bai' At Tawarruq (Pekerja) – Perayaan/ Persekolahan				

Diakui aturan ini telah dibentang, dibincang dan diluluskan dalam Mesyuarat Agung Perwakilan ke ?? pada ?? Jun 2022

KOPERASI PEGAWAI KERAJAAN NEGERI PULAU PINANG BERHAD

.....
(ISHAK BIN HUSSAIN)
PENGURUSI

.....
(ABD RAHMAN BIN BAKAR)
ANGGOTA LEMBAGA

.....
(HASLINDA BT MOHD HASHIM)
ANGGOTA LEMBAGA